

07/10/2003

Duti kereta import diumumkan akhir tahun

Nur Lina Rasol

KERAJAAN akan memutuskan struktur kadar duti eksais bagi kereta import sebelum akhir tahun ini, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis.

Beliau berkata, penetapan struktur kadar duti eksais bagi kereta import itu membabitkan Kementerian Kewangan (MoF) dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), yang mana Miti akan menguruskan hal berkaitan industri, manakala MoF pula yang berkaitan cukai.

"Kami (MoF dan Miti) kini sedang berbincang untuk memutuskan mengenai struktur duti eksais itu dan berharap dapat mencapai kata putus sebelum akhir tahun ini.

"Oleh kerana pelaksanaannya akan membabitkan pelbagai pihak termasuk peserta industri, jadi MoF dan Miti perlu meneliti semua aspek sebelum memutuskannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Akauntan Nasional 2003, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sunway Pyramid, Petaling Jaya, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 bulan lalu mengumumkan bahawa kerajaan akan mengenakan duti eksais ke atas kereta yang diimport apabila duti import yang dikenakan sekarang dikurangkan, berkuat kuasa 1 Januari tahun depan.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan bagaimanapun tidak menetapkan kadar duti eksais yang akan dikenakan dalam pengumuman berkenaan.

Pengurangan duti import itu adalah sejajar dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) untuk automotif dengan kenderaan keluaran Asean dikenakan duti import hanya antara sifar hingga lima peratus.

Ketika ini, duti import untuk kereta penumpang yang diimport adalah antara 140 peratus hingga 300 peratus, tetapi tiada duti eksais.

Kereta penumpang yang dikeluarkan di dalam negara pula dikenakan duti eksais antara 25 peratus hingga 65 peratus.

Pengenaan duti eksais bagi barangan import tidak bercanggah dengan Afta dan beberapa negara Asean juga mengenakan duti berkenaan.

Jamaludin berkata, kerajaan mengumumkan cadangan mengenakan duti eksais bagi kereta import itu dalam Bajet 2004 untuk menghapuskan ketidakpastian pengguna, terutama mereka yang menangguhkan pembelian kereta kerana menunggu kesan daripada pelaksanaan Afta bagi sektor automotif pada 2005.